

» Hati-hati sebelum terjerat, elak terikat beban hutang terlalu lama

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

Gara-gara mengiklankan tawaran pinjaman khusus untuk pembiayaan perkahwinan sehingga RM100,000, sebuah syarikat perkhidmatan kredit, XXX, 'dilabel' sebagai kurang sopan.

Ramai pengguna internet dan laman sosial Facebook 'mengkritik' iklan berkenaan kerana cuba mencari keuntungan pantas, lantas ia menjadi viral.

Seorang perunding pengurusan kewangan sebuah institusi perbankan tempatan, Alwi Adam dari EZAZ Wealth management & Consultancy turut berkongsi iklan berkenaan di Facebook beliau dengan catatan, 'Majlis impian gilang-gemilang bak putera puteri raja Cinderella dan prince charmingnya. Menjual cita-cita fatamorgana dibina atas hutang yang entah tidak tahu bila habis membayarnya.'

Pandangan itu kemudiannya dikongsikan lebih 800 pengguna lain.

Promosi pinjaman dalam iklan memaparkan pasangan Islam menggunakan pakaian pengantin itu antara lain memancing pengguna dengan promosi tawaran menarik, antaranya pendapatan minimum sebanyak RM800, tidak perlu pen-

Waspada pinjaman perkahwinan

"Persoalan yang harus dijawab ialah kenapa perlu meminjam, seterusnya berapa banyak dan berapa lama tempoh bayaran balik. Akhir sekali, mampu atau tidak untuk kita membuat bayaran balik pinjaman atau hutang berkenaan"

Mohamad Fazli Sabri,
Pakar Kewangan Pengguna
Jabatan Pengurusan Sumber
dan Pengajaran Pengguna,
Fakulti Ekologi Manusia, UPM

jamin dan bayaran balik hingga tujuh tahun.

Susulan iklan itu menjadi viral, syarikat berkenaan mengeluarkan kenyataan, mengakui iklan berkenaan 'tidak sesuai', tetapi ia bukan bertujuan menggalakkan pengguna meminjam, semata-mata untuk merealisasikan majlis perkahwinan idaman, lantaran setiap permohonan perlu melalui proses saringan terlebih dulu sebelum diluluskan.

Kurang wajar
Persoalannya, adakah wajar membuat pinjaman untuk majlis perkahwinan?



Pakar Kewangan Pengguna Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajaran Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohamad Fazli Sabri, berkata keadaan itu berlaku kerana masalah masyarakat yang lebih mementingkan apa yang diperkatakan orang dan perkahwinan mengikut adat resam daripada tuntutan agama yang menekankan konsep 'mudah dan senang'.

Katanya, kita terlalu dimomok dengan *Wedding of the year* dan *Garden wedding* atau pelbagai lagi sehingga belanja

kahwin menjadi terlalu mahal kerana mahu 'mengikut' gaya orang lain, sedangkan bajet terhad.

Mengulas mengenai kewajaran membuat pinjaman bank untuk membayai perkahwinan, katanya, ia bergantung kepada tanggapan individu, namun secara peribadi, beliau tidak merasakan ia sebagai tindakan wajar.

"Apabila pengguna memaparkan gaya hidup mewah menerusi majlis



Semangat gotong-royong yang diamalkan pada zaman dulu perlu dihidupkan semula.

[GAMBAR HIASAN]

perkahwinan yang gah, sudah pasti ada institusi yang mahu cuba memancang pelanggan," katanya.

Mohamad Fazli berkata, membuat pinjaman bank tidak salah, cuma individu bakal menanggung hutang yang berpanjangan jika gagal menguruskannya dengan baik.

"Secara umum, perbelanjaan untuk perkahwinan antara RM20,000 hingga RM30,000. Banyak perbelanjaan yang tidak perlu atau boleh dikurangkan. Tidak perlu membazir. Harus diingat persediaan kewangan amat diperlukan untuk kehidupan selepas majlis perkahwinan."

"Buat apa nak berhabisan hingga membuat pinjaman dan kemudian kita perlu tanggung beban hutang dalam tempoh lama," katanya.

Selepas berkahwin pula, banyak perkara perlu difikirkan dan pastinya perbelanjaan sehari-hari bertambah bagi memenuhi keperluan kehidupan.

Menabung sejak kecil
Justeru, beliau mencadangkan orang ramai membuat tabungan untuk kegunaan pada masa depan termasuk untuk majlis perkahwinan.

Bagi mengurangkan kos, semangat gotong-royong yang diamalkan pada zaman dulu perlu dihidupkan semula sebagai langkah mengawal bajet.

"Bagi saya, kaedah ini juga dapat menyemarakkan silaturahim dengan keluarga, jiran tetangga dan ahli masyarakat yang saling bantu-membantu dan sekali gus meringankan beban tuan rumah yang mengendalikan kenduri kahwin."

Mohamad Fazli berkata, ahli keluarga boleh mengadakan mesyuarat berkaitan 'kerja kahwin' dalam kalangan keluarga besar. Pembahagian tugasan dapat membantu melancarkan majlis kenduri. "Mungkin ada yang mahu menaja barang persiapan kahwin, misalnya ada yang hendak taja pelamin, mak andam, jurugambar, kek perkahwinan, barang hantaran dan sebagainya," katanya.

